

02/11/1998

Belia 4B bantah penubuhan parti guna Gerak

KUALA LUMPUR, Ahad - Gerakan Belia 4B Malaysia akan meminta Pendaftar Pertubuhan melarang mana-mana pihak yang bercadang menubuhkan parti atau pertubuhan baru, menggunakan perkataan Gerak.

Presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata larangan itu perlu bagi mengelak kekeliruan orang ramai dengan program Gerak 21 yang dianjurkan Belia 4B.

"Belia 4B telah menubuhkan sebuah syarikat, dinamakan Gerak 21 Sdn Bhd. Oleh itu, tindakan pihak lain menggunakan perkataan itu akan mengelirukan orang ramai," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Perwakilan Tahunan ke-24 pergerakan itu di sini, hari ini.

Pada 22 September lalu, Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mengumumkan penubuhan Gerakan Keadilan Rakyat dengan singkatan Gerak.

Sejak penubuhannya, pertubuhan tidak berdaftar itu menjadi penggerak beberapa perhimpunan kononnya bagi menegakkan keadilan.

Menurut Mohd Ali, keputusan membantah penggunaan perkataan Gerak adalah antara satu daripada tujuh usul yang diluluskan perwakilan pergerakan itu pada persidangan berkenaan.

Usul lain termasuklah memberi sokongan penuh terhadap usaha dan tindakan yang dilaksanakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi memulihkan ekonomi negara serta menghadapi isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pergerakan itu juga mengutuk serta membantah kegiatan demonstrasi dan keganasan yang dilakukan penyokong Anwar, membantah campur tangan urusan dalaman Malaysia oleh Presiden Indonesia, B J Habibie serta Presiden Filipina, Joseph Estrada, di samping mendesak kerajaan mengharamkan penjualan bagi tempoh tertentu majalah asing yang memburukkan negara.

Pergerakan itu turut meluluskan usul agar Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dikekalkan dan digunakan dengan bijaksana bagi menjamin keamanan negara.

Mengenai ahli pergerakan itu yang terbabit dalam perhimpunan haram, Mohd Ali berkata, setakat ini hanya seorang yang dikenal pasti.

Menurutnya, keputusan bagi memecat ahli berkenaan akan dibuat pada mesyuarat exco pergerakan itu tidak lama lagi.

Beliau juga berkata, exco pergerakan itu turut menunggu laporan Belia 4B Perlis mengenai dakwaan seorang ahli pergerakan belia negeri itu turut terbabit dalam kegiatan berkenaan.

"Jika dakwaan itu benar, ahli yang terbabit akan dipecat," katanya.

Mohd Ali berkata, pergerakan itu juga akan menyiasat dakwaan tujuh cawangan Belia 4B Kelantan dipengerusikan ahli Pas.

(END)